



Karnival Mini RTC Ubai eratkan hubungan pelajar IPT dan komuniti

Hampir 100 pelajar UMP dan warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjayakan program Karnival Mini RTC di Ubai Pekan anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Saffad) dengan kerjasama Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam usaha mendekati masyarakat sekitar Kampung Semangat, Pulau Rusa, Kampung Ubai dan Cherok Paloh pada 1 Mac 2014 yang lalu.

Program turut melibatkan pelajar Kolej Komuniti Pekan, Kolej Komuniti Kuantan dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan (POLISAS) serta mendapat sokongan daripada pihak Pejabat Kesihatan Pekan dan Angkatan Tentera Malaysia dengan pelbagai program yang dianjurkan sepanjang dua hari berlangsung di Dewan RTC Ubai ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, program dimulakan dengan acara penyerahan anak angkat melibatkan 13 keluarga dan disusuli dengan program gotong-

royong dan sukaneka bersama penduduk kampung. Seterusnya, pada sebelah malamnya diadakan ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Mahmud Mat bertajuk "Rasulullah Model Penyatuan".

"Program kali ini juga menasarkankan enam program utama berbentuk motivasi, pemeriksaan motosikal, proses penghiliran nanas, Celik IT, Program Transformasi Kedai Runcit dan program kesihatan," katanya.

"Para sukarelawan juga melibatkan pelajar Kolej Komuniti Kuantan yang menganjurkan Program Celik IT secara percuma kepada anak-anak penduduk kampung dalam mempelajari ilmu teknologi maklumat termasuk multimedia, menaip surat, penggunaan internet secara berhemah," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Tambah Dato' Dr. Yuserrie lagi, sukarelawan dari Kolej Komuniti Pekan, turut menjalankan modul pemeriksaan dan servis enjin motosikal termasuk khidmat nasihat mengenai penyelenggaraan melibatkan 60 buah motosikal.

Majlis perasmian karnival disempurnakan Yang di-Pertua Dewan

Undangan Negeri Pahang, Dato' Hj. Ishak Haji Muhammad. Hadir sama Tok Empat Ubai Mukim Pulau Rusa, Zainal Abidin Salleh.

Dato' Haji Ishak memuji inisiatif UMP dengan rakan kerjasama yang lain dalam menjayakan karnival yang bertujuan memberi kemudahan kepada orang kampung mendapatkan perkhidmatan yang disediakan secara berpusat.

Dalam menjayakan program, Pejabat Kesihatan Pekan turut turun padang menjalankan taklimat kesihatan dan pemeriksaan kesihatan bagi tekanan darah, pemeriksaan gula dan kolestrol dalam darah serta nasihat pemakanan. Selain itu, kemudahan perkhidmatan bas pemeriksaan pergigian turut disediakan pihak Angkatan Tentera Malaysia.

Sementara itu, penduduk kampung yang ditemui, Munah Ludin, 58 dari Kampung Semangat yang hadir bersama cucunya mengharapkan program sebegini dapat diteruskan dan diperluaskan di lain-lain kampung agar mereka dapat memanfaatkan masa hujung minggu untuk mendapatkan perkhidmatan secara setempat.